

Lengkapkan ayat di bawah ini dengan KATA ARAH yang sesuai.

belakang	hujung	dalam	tepi
bawah	sudut	hadapan	puncak

1. Nayyara meletakkan beg-beg itu di _____ bonet kereta.
2. Hanafi bersembunyi di _____ meja apabila melihat ibunya membawa sebatang rotan.
3. Terdapat sebuah pondok usang di _____ Kampung Ayer itu.
4. Para pendaki muda itu berazam untuk menakluki _____ Gunung Kinabalu.
5. Hikmah dan Basirah bermain pasir semasa berkelah di _____ pantai.
6. Terdapat sebuah restoran di _____ taman permainan itu.
7. Terdapat sebatang sungai yang jernih airnya di _____ rumah datuk.
8. Meskipun dia tersenyum, jauh di _____ hatinya terluka dengan kata-kata anaknya itu.

1. Para pemandu diingatkan agar berhati-hati semasa melalui _____
yang tajam di jalan tiu.
2. Ayah dan teman-temannya berbual-bual di _____ rumah
sambil menghirup udara segar.
3. Syafiq terjatuh ke _____ longkang besar yang terdapat di
depan rumah datuknya.
4. Alif terus bersembunyi di _____ pintu rumah ketika Rayyan
mencarinya.
5. Di _____ bilik ruang tamu itu terdapat sejambak gubahan
bunga yang sungguh cantik.
6. Penyelam itu mengambil masa sepuluh minit untuk menyelam sampai ke
_____ sungai.
7. Amir menyisipkan sebilah parang di _____ pinggangnya.
8. Setiap hujung minggu, ayah akan menebas rumput di _____
rumah agar kelihatan bersih.
9. Farahiya meletakkan periuk yang berisi gulai itu di _____ meja.
10. Sebagai pendaki profesional, setakat ini sudah lima kali Farid sampai ke
_____ Gunung Kinabalu.